

SK Sri Maulana Pekan wakil Malaysia pertandingan robotik antarabangsa di China

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - November 8, 2023 @ 9:13am
bhnews@bh.com.my



Pasukan robotik SK Sri Maulana terpilih mewakili negara pada Pertandingan Robotik Antarabangsa MakeX 2023 di Yantai Shandong, China, bulan depan. - Foto MOHD RAFI MAMAT

PEKAN: Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Maulana, di sini, terpilih mewakili negara ke Pertandingan Robotik Antarabangsa MakeX 2023 di Yantai Shandong, China, bulan depan.

Kejayaan sekolah luar bandar itu dicapai selepas empat murid Tahun Lima dan Enam muncul juara kategori MakeX Starter pada pertandingan Malaysia MakeX 2023 Robotics di Universiti UCSI, Kuala Lumpur bulan lalu.

Guru Besar SK Sri Maulana, Rozita Buang berkata pembangunan robotik di sekolah itu bermula Mei lalu dengan tumpuan utama hanya untuk bersaing di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

Katanya, dua pasukan robotik SK Sri Maulana yang akan mewakili negara bertanding di pentas antarabangsa di China bulan depan ialah dua adik beradik, Nurul Iffah Mazlan, 10 dan Nurul Izzah, 11 bersama Irham Nawfal Ahmad Saiful, 10 serta Muhammad Adel Hafiey Zool Hilmi, 11.

"Pembangunan robotik di peringkat sekolah ini bermula dengan kemunculan tiga individu yang kini menjadi mentor pasukan robotik, Mazlan Muhamad Yusof, Mok Ren Hao dan Noor Aslizawati Abd Hamid serta kerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Kolej Komuniti Pekan.

"Bagi pertandingan di China bulan depan, kita berusaha mendapatkan penaja bagi membiayai empat murid yang bertanding. Perbelanjaan RM1,500 bagi setiap murid bagi menyediakan wang saku dan pakaian musim sejuk," katanya, di sini.

Rozita berkata, pihaknya juga memerlukan penaja bagi menyediakan dua unit robot berharga RM5,000, selain meringankan beban pasukan yang kali pertama bertanding di peringkat antarabangsa.

"Pasukan kita akan berhadapan saingen sengit daripada pasukan terkemuka dalam robotik seperti tuan rumah China, Jepun dan Korea. Pertandingan kali ini akan menghimpunkan kira-kira 1,000 peserta mewakili 70 negara," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Pekan, Mohd Razali Mustafar berkata pihaknya berbangga dengan kejayaan sekolah luar bandar itu dan berharap lebih banyak sekolah di daerah itu terbabit dengan program pembangunan robotik.